

**TAHAP KEFAHAMAN DAN KESEDARAN PELAJAR TERHADAP
PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP): TINJAUAN MELALUI
AKHBAR-AKHBAR DI MALAYSIA**

NURZALYNA MOHAMED ZAKI

**KERTAS PROJEK YANG DI KEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI SYARAT
PENGIJAZAHAN SARJANA PENGURUSAN AWAM
(MPM)**

**PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN
ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

JANUARI 2015

KEBENARAN MENGGUNA

Penyerahan kertas projek ini adalah sebagai memenuhi sebahagian daripada pengajian Siswazah Pengurusan Awam Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju pihak perpustakaan UUM menyimpan kertas projek ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan dan sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk perolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain-lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Sekolah Siswazah Ghazali Shafie

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok

Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Penggunaan media cetak dalam menyampaikan polisi kerajaan masih dianggap berkesan pada masa kini. Media sering dianggap sebagai medium penyampai maklumat di antara kerajaan dan masyarakat. Media cetak harus bijak memainkan peranan di dalam memilih isu mengenai polisi kerajaan yang hendak diketengahkan agar boleh menarik perhatian pembaca. Kajian ini memfokuskan kepada tahap kefahaman dan kesedaran pembaca surat khabar yang terdiri daripada pelajar siswazah Ghazali Shafie Graduate School terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah soal selidik dengan pemilihan responden yang membaca surat khabar. Di akhir kajian ini, kajian mendapati bahawa pembaca mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai ketujuh-tujuh tonggak NKRA di dalam program transformasi walaupun semua responden membaca akhbar untuk mengakses maklumat terkini.

ABSTRACT

The use of printed media in delivering government policy is still considered effective in the present. Media often regarded as a medium to convey information between government and society. Printed media should be wise in choosing government policy issues to be highlighted in order to attract attention of the reader. This study focuses on the level of understanding and awareness of newspaper readership consisting of graduate students of Ghazali Shafie Graduate School on Government Transformation Programme (GTP) and the National Key Result Areas (NKRA). The method used in this study is by spreading questionnaires to respondents who read newspapers. At the end of this study, it is found that the reader has a moderate level of awareness about the seven pillars of NKRA in the transformation programme although respondents read newspapers to access latest information.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah saya menyiapkan kertas projek ini dengan sempurnanya. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan yang tulus ikhlas kepada Dr. Fitri Abdul Rahman, penyelia kertas projek ini yang telah membantu dan memberi bimbingan yang amat bernilai sepanjang proses penyiapan kertas projek ini. Saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam menyumbangkan data sebagai responden kaji selidik secara sukarela bagi menjayakan kertas projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya berikan kepada kedua ayah ummi saya Mohamed Zaki Bin Mohamed Ali dan Rohana Binti Mohamed Ali Piah bagi sokongan, pengorbanan dan kepercayaan yang sentiasa diberikan dari bermula pengajian sehingga lengkap kertas kerja ini disiapkan. Akhirnya saya berdoa kepada Allah S.W.T mudah-mudahan kertas projek ini dapat memberi faedah kepada kita semua.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN

Perakuan Kerja Kertas Projek	
Kebenaran Mengguna	i
Abstrak (Bahasa Melayu)	ii
Abstract (Bahasa Inggeris)	iii
Penghargaan	iv
Senarai Kandungan	v
Senarai Jadual	vii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	8
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Limitasi Kajian	10
1.8	Definisi Operasi	
	1.8.1 Transformasi Kerajaan	10
	1.8.2 Kecenderungan Politik	11
	1.8.3 Media Cetak	11
	1.8.4 Kesedaran	11

BAB 2 : SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Teori Penentu Agenda	12
2.3	Teori Pembingkai	18
2.4	Media Cetak di Malaysia	19
2.5	Hubungan Pembacaan Surat Khabar dengan Capaian Informasi	21
2.6	Kerangka Konseptual	23

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	24
3.2	Rekabentuk Kajian	24

3.3	Kaedah Pengumpulan Data	25
3.4	Lokasi Kajian	26
3.5	Instrumen Kajian	26
	3.5.1 Bahagian A	27
	3.5.2 Bahagian B	27
BAB 4 :	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	29
4.1	Pendahuluan	29
4.2	Profil Jantina Responden Kajian	29
4.3	Profil Umur Responden Kajian	30
4.4	Profil bangsa Responden Kajian	31
4.5	Cara Memperoleh Maklumat	32
4.6	Maklumat Am Mengenai Akhbar	33
4.7	Maklumat Am Mengenai GTP dan NKRA	34
4.8	NKRA : Mengurangkan Jenayah	35
4.9	NKRA : Membanteras Rasuah	37
4.10	NKRA : Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar	39
4.11	NKRA : Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	41
4.12	NKRA : Mempertingkat Infrastruktur Asas Luar Bandar	43
4.13	NKRA :Mempertingkat Pengangkutan Awam Luar Bandar	45
4.14	NKRA : Menangani Kos Hidup	47
BAB 5 :	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Ringkasan	49
5.2	Kesimpulan	53
5.3	Implikasi dan Cadangan	54

RUJUKAN
APPENDIKS

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Item Bahagian B	28
Jadual 2	Taburan Jantina Responden Kajian	30
Jadual 3	Taburan Umur Responden Kajian	31
Jadual 4	Taburan Bangsa Responden Kajian	31
Jadual 5	Taburan Sumber Maklumat Responden Kajian	32
Jadual 6	Min dan Sisihan Piawai Maklumat Am Mengenai Akhbar	33
Jadual 7	Min dan Sisihan Piawai Maklumat Am GTP dan NKRA	34
Jadual 8	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mengurangkan Kadar Jenayah	36
Jadual 9	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Membanteras Rasuah	38
Jadual 10	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar	39
Jadual 11	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	41
Jadual 12	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar	43
Jadual 13	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	45
Jadual 14	Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Menangani Kos Hidup	47

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Organisasi media di Malaysia memainkan peranan penting sebagai alat bagi kerajaan dalam menghebahkan polisi dan isu yang melibatkan pembinaan negara bangsa. Pelan transformasi negara dilihat sebagai sebahagian penggerak positif bagi masyarakat. Media memainkan peranan penting dalam menjayakan pelan transformasi kerajaan. Model formal kawalan kerajaan ke atas media adalah untuk mencerminkan perubahan dalam kebebasan media di seluruh negara dari masa ke semasa (Gehlbach & Sonin, 2012). Oleh itu, cabaran semasa adalah bagi membentuk peranan institusi dalam persekitaran media digital untuk mengekalkan tiga nilai normatif kewartawanan iaitu ketulenan, akauntabiliti dan autonomi yang akan memberikan kesan langsung terhadap kredibiliti wartawan dan kandungan yang mereka sampaikan (Hayes, Singer, & Ceppons, 2007).

Media di Malaysia mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap semua tindakan kerajaan. Kepentingan perhubungan media di Malaysia disokong oleh kerajaan melalui pekeliling kerajaan (1982) yang menyenaraikan fungsi dan tanggungjawab perhubungan awam termasuk mengadakan siaran media serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 (2007) berkaitan pengurusan media (Mohd Yahya Mohamed Ariffin, & Md Sidin Ahmad Ishak, 2011).

Media-media di Malaysia mempunyai polisi-polisi tersendiri namun bagi organisasi media kerajaan, Radio Televisyen Malaysia, ianya harus mengukuti garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Manakala bagi media cetak pula, para wartawan mempunyai tanggungjawab menyampaikan maklumat dari pihak kerajaan namun harus sentiasa memastikan kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara. Idea bahawa penetapan agenda media massa ditentukan oleh pemegang kuasa politik tidak dapat dinafikan. Kerajaan mendahulukan kepentingan politik dan masalah sosial dengan menekankan isu-isu tertentu dan mengabaikan yang lain (Mazzoleni & Schulz, 1999). Media akan menentukan isu-isu yang harus diberi penekanan dan sampai ke pengetahuan pembaca. Berita yang mencerminkan perkembangan positif dalam masalah sosial akan diserlahkan di akhbar kerana boleh mempolitikkan kejayaan dasar kerajaan.

Media massa kini tidak hanya terhad kepada media cetak tetapi juga kemunculan media baru menggunakan teknologi baru seperti internet yang membolehkan kerajaan membina hubungan dengan rakyat. Dalam dekad yang lepas, kerajaan hanya bergantung sepenuhnya kepada media tradisional khususnya akhbar-akhbar, televisyen dan radio (Dixon, 2010). Terdapat juga istilah advokasi media iaitu satu proses penyebaran maklumat melalui media komunikasi yang bertujuan untuk melaksanakan tindakan seperti perubahan dasar atau bagi mengetahui pendapat awam mengenai isu tersebut (Lane, Carter, Ch & Mi, 2012). Pihak media mempunyai potensi untuk memupuk interaksi yang lebih di antara pembuat dasar, pegawai kerajaan dan juga masyarakat (Lampe, Larose, Steinfield & Demaagd, 2011). Namun, media harus memilih isu untuk diketengahkan kerana media sangat berpengaruh dalam memberi kesan kepada masyarakat yang kadang-kala menggerakkan masyarakat untuk menentang dasar kerajaan (Lieberfeld, 2009).

Pada tahun 2010, Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah mula diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan ia adalah satu usaha dalam memacu negara ke arah negara maju. Usaha ini adalah satu usaha yang berani kerana ia belum pernah terjadi sebelumnya yang bertujuan untuk mengubah cara kerja anggota kerajaan secara radikal agar boleh memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat (GTP Annual Report, 2010).

Skop GTP adalah meluas dan akan merangkumi setiap Kementerian dalam kerajaan. Semua tonggak akan memberikan tumpuan ke atas perkara-perkara utama yang penting bagi rakyat bertepatan dengan slogan 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan' (Mohd Najib, 2010). Di bawah struktur GTP, bidang yang memerlukan perhatian dirunding secara menyeluruh dengan pihak yang berkepentingan dan 7 tonggak utama ditetapkan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Selain itu, GTP juga mengandungi komponen Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) yang diwujudkan bagi menangani matlamat pembangunan yang tidak termasuk dalam NKRA (www.pemandu.gov.my).

GTP dan NKRA boleh digambarkan seperti GTP adalah sebuah jentera manakala NKRA pula adalah komponen di dalamnya. NKRA tidak disifatkan sebagai bidang keutamaan dengan mudah, tetapi ia adalah hasil pelbagai kajian, pendapat dan dialog bersama rakyat (www.pemandu.gov). Setelah melalui beberapa fasa, senarai penumpuan NKRA adalah seperti berikut:

- i. Mengurangkan jenayah.
- ii. Membanteras rasuah.
- iii. Mempertingkatkan pencapaian pelajar.
- iv. Mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.
- v. Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.
- vi. Mempertingkatkan pengangkutan awam di bandar.
- vii. Menangani kos sara hidup.

1.2 Permasalahan Kajian

Sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia yang keenam, Datuk Seri Najib Tun Razak telah memperkenalkan agenda transformasi negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) (Rohami Shafie, 2014). Program GTP telah menjadi semakin penting untuk mengenal pasti kekuatan kerajaan dan kekurangan di dalam masyarakat. Banyak negara telah melakukan transformasi dalam bidang utama negara seperti ekonomi, kesihatan, dan sektor sosial.

Kerajaan berusaha melakukan transformasi melalui pengenalan tujuh NKRA untuk diberikan fokus utama. Banyak kejayaan dicatatkan di bawah program transformasi kerajaan bagi program transformasi GTP 1.0. Kejayaan ini menggambarkan usaha gigih para pekerja sektor awam untuk mencapai sasaran yang ditetapkan (Rohami Shafie, 2014). Namun, adakah pelajar sedar dan faham akan transformasi yang sedang dilakukan oleh kerajaan?

Media sering menjadi platform bagi kerajaan dalam menyampaikan dasar-dasar kerajaan. Terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan oleh pihak kerajaan dalam menyebarkan maklumat seperti polisi yang dilaksanakan. Media massa adalah salah satu darinya memandangkan penggunaan media masa kini menjadi semakin menggalakkan. Kajian mendapati bahawa tempoh waktu yang dihabiskan pengguna Malaysia melayari media elektronik adalah selama 20 jam seminggu iaitu 33 peratus daripada jumlah masa keseluruhan (Utusan Malaysia, 2013).

Pelajar terdiri dari golongan yang akan menjadi bakal pemimpin negara kelak. Golongan pelajar seharusnya memahami usaha yang dilakukan kerajaan dalam membawa negara ke arah kemajuan untuk mencapai target Wawasan 2020.

Pelajar merupakan golongan yang kritikal terhadap perkembangan isu semasa negara dan mempunyai kehendak tersendiri (Junaidi, Mohd Fuad, Yahaya, Khaidzir, Abdul Halim & Noor Aziah, 2012). Junaidi et al juga menyatakan 71.0 peratus dalam kalangan pelajar berstatus belia menyokong peranan kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan belia negara dan 66.1 peratus menyatakan gagasan 1 Malaysia wajar disokong, dihayati dan dimanifestasikan oleh belia. Kepentingan belia di Malaysia disokong oleh kajian Yahaya, Abdul Halim, Jeniri, Rosmadi & Novel (2012) yang menyatakan pengundi belia di Malaysia amat penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Justeru, golongan pelajar yang terdiri dari golongan belia harus mempunyai tahap kefahaman dan kesedaran yang tinggi terhadap dasar negara.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap kesedaran atau pengetahuan pelajar tentang Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
2. Mengenalpasti tahap kefahaman pelajar tentang laporan akhbar tentang pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

1.4 Persoalan Kajian

- 1) Adakah pelajar siswazah Universiti Utara Malaysia mempunyai tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)?
- 2) Adakah pelajar siswazah Universiti Utara Malaysia faham mengenai Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) melalui laporan di dalam akhbar?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melihat sejauh mana artikel yang disiarkan oleh akhbar utama di Malaysia dalam menyokong dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai program kerajaan. Kajian ini bertujuan menilai sama ada akhbar membantu dalam mencapai sasaran kerajaan bagi memberikan rakyat pengetahuan sepenuhnya terhadap GTP dan NKRA.

Kepentingan kajian ini akan memberi manfaat kepada orang ramai mengenai usaha kerajaan dalam meningkatkan infrastruktur dalam negara dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Kepentingan akhbar juga akan dapat dilihat sebagai medium penyampai maklumat di antara kerajaan dan masyarakat. Selain itu, pelajar juga boleh mendapat pengetahuan mengenai polisi kerajaan yang tidak hanya menekankan isi rumah, tetapi turut melibatkan pelajar. Tambahan pula golongan pelajar adalah golongan penting di dalam negara sebagai pelapis masa hadapan negara. Pengetahuan yang luas mengenai polisi kerajaan adalah perlu diketahui oleh seorang pelajar. Jabatan kerajaan juga boleh mendapat manfaat dari penghasilan kertas projek ini memandangkan NKRA melibatkan jabatan kerajaan secara langsung. Akhir sekali, penggubal dasar boleh mengambil hasil kajian untuk menggubal dasar-dasar baru dalam memantapkan lagi negara.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam kerangka kajian media dan polisi. Kajian ini mengkaji pembaca surat khabar yang terdapat di Universiti Utara Malaysia, pelajar Sarjana di Ghazali Shafie Graduate School khususnya.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini terhad kepada pelajar Sarjana di Ghazali Shafie Graduate School yang membaca salah satu akhbar yang terdapat di Malaysia. Hasil kajian ini tidak seharusnya digeneralisasikan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia, tetapi lebih signifikan untuk mewakili pandangan pelajar Sarjana Universiti Utara Malaysia sahaja.

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Transformasi kerajaan

Program transformasi menyediakan peluang untuk mengubah sesuatu organisasi daripada reaktif menjadi proaktif (Higgins, 2010). Dalam konteks sistem politik, proses transformasi akan melibatkan pengelasan, perancangan, koordinasi dan kawalan (Muhammed Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman, Zaheruddin Othman & Jamaludin Mustafa, 2003). Program Transformasi Kerajaan pula adalah satu usaha proaktif dari kerajaan yang diwujudkan berasaskan keprihatinan rakyat mengenai beberapa isu utama yang melanda negara (Laporan Tahunan GTP, 2010). GTP diwujudkan bagi membawa Malaysia ke arah negara maju yang lebih berdaya saing.

1.8.2 Kecenderungan politik

Kecenderungan politik merujuk kepada haluan sokongan politik yang ditunjukkan oleh seseorang. Kecenderungan politik individu mungkin berpunca daripada pengaruh keluarga, persekitaran, pergaulan rakan sebaya, pembabitan dalam organisasi dan sebagainya, tidak kurang dengan aura seseorang pemimpin (Berita Harian, 2014).

1.8.3 Media cetak

Media cetak adalah satu media yang statik yang mengandungi berita terkini berserta foto-foto. Media cetak di Malaysia terdiri dari media cetak berbahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil.

1.8.4 Kesedaran

Kesedaran merujuk kepada pengalaman subjektif seseorang individu terhadap ransangan atau kandungan kognitif. Menurut Allport (1988), seseorang itu hendaklah menunjukkan perubahan tingkah laku atau perubahan kognitif sebagai hasil daripada pengalaman.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan sorotan karya-karya lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain berhubung dengan surat khabar di Malaysia, pembacaan akhbar dan input yang diterima dan kecenderungan politik dan informasi yang disampaikan oleh akhbar. Bab ini juga menunjukkan teori yang digunakan media dalam penyampaian berita kepada khalayak iaitu Teori Penentu Agenda dan Teori Pemingkaian.

2.2 Teori Penentu Agenda

Media massa adalah alat yang penting dalam merapatkan hubungan di antara kerajaan dan orang awam. Kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat banyak cara media, kerajaan dan masyarakat berhubung. Sebagai contoh, agenda yang ditetapkan melalui Berita Harian pada GTP boleh menimbulkan perspektif yang berbeza pada penetapan agenda.

Teori ini telah diperkenalkan oleh Maxwell McCombs dan Donald Shaw (1972) yang menekankan peranan media dalam mewujudkan persepsi rakyat dengan memberitahu mereka apa yang perlu difikirkan. Dalam memilih dan memaparkan berita, editor, kakitangan bilik berita dan badan penyiaran memainkan peranan penting dalam membentuk realiti politik. Pembaca bukan sahaja membaca mengenai isu tertentu, malah mengetahui kepentingan sesuatu isu dari jumlah maklumat dalam berita dan kedudukannya. Dalam mencerminkan apa yang calon katakana semasa kempen, media massa juga boleh menentukan isu-isu penting dengan cara menetapkan agenda kempen (McCombs & Shaw, 1972).

Teori Penentu Agenda percaya bahawa masyarakat akan tahu apa yang golongan elit mahu mereka tahu. Golongan elit atau wakil-wakil media mentafsir motif dan kepercayaan ahli-ahli politik (Baran & Davis, 2012). Teori ini dikatakan menjadi alat oleh golongan elit dalam membentuk minda rakyat. Penentu agenda menerangkan pengaruh media yang sangat kuat dengan mempunyai keupayaan untuk memberitahu pembaca apa isu-isu penting yang harus difikirkan (TCW, 2010). Untuk melihat perkaitan dengan kajian yang sedang dilakukan, kerajaan cuba untuk menggunakan media massa dalam mewujudkan kesedaran tentang usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk rakyat.

Teori ini berkembang apabila McCombs dan Shaw sedar bahawa terdapat hubungan antara persepsi rakyat dan corak pengundi yang boleh diwujudkan dengan liputan akhbar. Media memainkan peranan itu dalam meyakinkan orang ramai dalam menumpukan perhatian mereka kepada peristiwa dan isu-isu tertentu.

Menurut Lippmann (1925), beliau menyatakan bahawa kita perlu meninggalkan tanggapan bahawa rakyat mentadbir melalui wakil-wakil mereka dan mengambil pendekatan penyokong dan penentang tetap wujud walau sesiapa yang mentadbir. Walaubagaimanapun, kenyataan Lippmann bertentangan dengan kenyataan awal Presiden Thomas Jefferson yang menyatakan rakyat Amerika mengetahui tentang kebenaran dan kepalsuan pihak pentadbir. Jefferson berkata rakyat tahu pihak yang benar dan salah dan sentiasa membuat pengadilan yang betul mengenai pemerintah (Lipscomb, 1903).

Kebanyakan masanya akhbar tidak berjaya dalam menyampaikan pada masyarakat apa yang boleh mereka fikirkan, tetapi ia berjaya memberitahu pembaca apa yang perlu mereka fikirkan (Cohen, 1963). Kenyataan yang diberikan Cohen adalah berdasarkan idea Lippmann (1922) mengenai dunia luar dan gambaran yang terbentuk di dalam minda pembaca.

Cohen (1963) mencadangkan bahawa media boleh menggunakan pengaruh langsung atau tidak langsung. Jumlah berita yang diberi liputan oleh media mengikut isu menjadikan sesuatu isu penting berbanding isu yang lain oleh pembaca (Rogers, 1994).

Kajian ini cuba mengenalpasti isu-isu yang telah dilihat sebagai penting kepada media dan kerajaan melalui bukti-bukti kajian lepas. Oleh demikian, kajian ini akan menilai pihak yang menetapkan agenda GTP dan kepentingannya kepada orang ramai.

GTP adalah program yang dibuat oleh kerajaan untuk rakyat dan perubahan yang dilakukan oleh kerajaan perlu diketahui oleh rakyat. Teori ini menekankan hubungan di antara media khususnya media cetak dan rakyat dengan begitu jelas. Setiap dasar kerajaan perlu difahami oleh rakyat dan media massa terutama akhbar yang memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat mengenai kerajaan. Media massa adalah jelas sumber utama maklumat mengenai kerajaan (Dennis E. E et . Al . , 1994). Media massa adalah orang tengah antara kerajaan dan rakyat yang digunakan bagi menjelaskan dasar-dasar atau projek yang sedang dirancang atau sedang dilaksanakan (Mohd. Hamdan Adnan, 1986). Surat khabar memainkan peranan dalam menampakkan usaha oleh kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Oleh kerana sokongan dari media amat diperlukan oleh kerajaan bagi mendukung polisi-polisi yang dibuat, media di negara ini disokong oleh kerajaan melalui pekeliling kerajaan (1982) yang menyenaraikan fungsi dan tanggungjawab perhubungan awam termasuk mengadakan siaran media serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 (2007) berkaitan pengurusan media (Mohd. Yahya & Md Sidin, 2011).

Penulisan media adalah satu fenomena yang luas dan kebanyakan ia bukan paksaan. Kerajaan boleh mengenakan kawalan ke atas media dalam pelbagai bentuk termasuk merasuah agensi-agensi media. Kerajaan juga boleh campur tangan ke atas urusan media dalam keadaan tidak langsung melalui keputusan pentadbiran atau campur tangan perundangan yang memberi manfaat kepada firma yang dikawal oleh pemilik media. Terdapat juga beberapa faktor yang mempengaruhi tahap kawalan kerajaan ke atas media yang mana salah satunya adalah kewujudan sebilangan besar organisasi media yang bebas, di mana kerajaan akan dipaksa untuk membeli semua organisasi media untuk mengehadkan maklumat.

Dalam dunia yang ideal, media massa adalah bebas daripada sebarang pengaruh luar. Walau bagaimanapun, hanya 33.5 peratus daripada media dunia adalah percuma, manakala selebihnya adalah Separuh Bebas dan Bukan Bebas pada tahun 2011 (Freedom House, 2012).

Di Malaysia, kerajaan akan menentukan kandungan dan kualiti wacana awam dalam media (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2005). Oleh itu, ia adalah perkara biasa bagi kerajaan untuk menggunakan media untuk memberitahu dan mendidik masyarakat mengenai agenda dan dasar-dasar kerajaan.

Menurut Arina Anis Azlan, Samsudin A. Rahim, Fauziah Kartini Hassan Basri dan Mohd Safar Hasim (2012), wacana awam berikutan pengumuman dasar yang penting adalah terhad. Tambahan pula, pengumuman dasar baru dalam media yang telah diletakkan di dalam bentuk untuk mengawal akses masyarakat terhadap isu tersebut. Namun, daripada perspektif pengamal media khususnya editor dan penerbit, perhubungan media dan kerajaan penting bagi mereka dalam usaha mendapatkan bahan berita untuk dimasukkan ke dalam penerbitan masing-masing (Mohd. Yahya Mohamed Ariffin . , et al, 2011).

2.3 Teori Pembingkai

Melalui pembingkai, media dapat memahami peranannya dalam pembinaan sesuatu berita (Nurul Ain A. Hamid & Faridah Ibrahim, 2013). Pembingkai adalah satu proses untuk menentukan berita yang dianggap penting untuk dimasukkan sebagai berita dan mampu mempengaruhi pemikiran pembaca.

Teori pembingkai direka utamanya adalah kerana sesuatu isu boleh dilihat dari pelbagai perspektif dan ditafsir mempunyai pelbagai implikasi (Chong, D. & Druckman, 2007). Goffman adalah orang yang pertama dalam menumpukan perhatian kepada teori pembingkai sebagai satu bentuk komunikasi bagi membolehkan individu untuk mencari, melihat dan mengenalpasti kejadian atau pengalaman dalam hidup (Goffman, 1974).

Takeshita (1997) telah memberikan definisi am mengenai pembingkai iaitu media berupaya dalam memilih dan memfokuskan beberapa isu tertentu negara supaya ia menjadi isu penting kepada masyarakat (Takeshita, 1997). Pembingkai dalam komunikasi boleh ditakrifkan ianya berhubung dengan isu tertentu seperti berlakunya sesuatu kejadian atau keadaan politik negara (Entman, 2004). Menurut Tuchman (1978) pula, beliau meneliti pembingkai dalam amalanewartawanan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembuatan sesuatu berita (Tuchman, 1978).

Di Malaysia, pemingkaian berita seharusnya menonjolkan peristiwa atau isu dan mengaitkannya dengan teliti bagi mencetuskan pentafsiran dan penilaian yang seimbang dan ianya ditekan sebagai peranan besar pihak media (Nasrudin Mohammed, 2008).

Kajian Muhammad Raqib dan Adnan Hussein (2014) mendapati dua akhbar di Malaysia iaitu The Star dan Utusan Malaysia membingkai isu konflik agama yang memberi penekanan kepada isu konflik politik yang berlaku dalam parti Pakatan Rakyat dan Parti Islam Semalaysia (PAS). Pemingkaian berita juga salah satu elemen yang penting kerana ianya yang dapat menentukan tarikan pembacaan. Menurut kajian Julia dan Chang (2013), pemberitaan yang berbentuk positif lebih memberi kesan kepada pembaca berbanding dengan pemberitaan yang berbentuk negatif. Pemberitaan mengenai polisi kerajaan seperti GTP dan NKRA mampu memberikan kesan kepada pembaca akhbar kerana ia adalah mengenai usaha kerajaan dalam memantapkan negara.

2.4 Media Cetak Di Malaysia

Kajian mengenai tahap bacaan akhbar oleh belia juga telah dibuat. Tahap pembacaan akhbar di Malaysia oleh golongan belia semakin menurun seperti yang dinyatakan oleh Akmar Hayati dan Siti Zobidah (2014), peratusan remaja membaca akhbar di Malaysia adalah sebanyak 54% pada tahun 2008 dan menurun kepada 38% pada 2011 dan menurun ke 32% pada 2013.

Walau bagaimanapun, menurut kajian Mus Chairil, Jamilah Maliki dan Norazimah (2011), didapati belia masih memberikan perhatian kepada akhbar sebagai salah satu cara untuk menambahkan pengetahuannya dan mendapatkan lebih banyak informasi. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kadar pembacaan akhbar oleh belia semakin menurun, namun ia tetap menjadi sumber utama rujukan berita.

Tahap pembacaan surat khabar boleh dikaitkan dengan ketelusan media di Malaysia dalam menyampaikan maklumat. Pembaca pada masa kini tambahan lagi yang terdiri dari golongan pelajar mementingkan ketelusan dan kebenaran sesuatu berita. Berita yang diterbitkan tidak seharusnya dikawal oleh mana-mana pihak. Namun, kajian yang dibuat oleh Azizuddin (2005) menunjukkan bahawa rakyat Malaysia bersetuju bahawa media di Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan berdasarkan pemilikan media oleh kerajaan. Rakyat juga percaya bahawa media seharusnya diberi kebebasan bersuara dengan menjadi lebih kritikal terhadap tindak-tanduk kerajaan.

Kajian oleh Smelter (2009) juga mengkaji mengenai rintangan yang dihadapi masyarakat dalam memahami perjanjian perdagangan bebas dua hala (FTA) dengan Amerika Syarikat dengan memberi tumpuan khusus terhadap peranan oleh media cetak dalam meningkatkan kesedaran mengenai rundingan tersebut. Kajian tersebut mendapati surat khabar utama negara seperti The Sun menerbitkan berita yang agak seimbang mengenai proses rundingan. Hal ini menunjukkan surat khabar utama di Malaysia sememangnya membantu dalam menyebarkan polisi kerajaan.

2.5 Hubungan pembacaan surat khabar dengan capaian informasi

Membaca adalah asas pembentukan diri kearah mendapatkan ilmu pengetahuan bertepatan dengan ayat pertama yang diwahyukan Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad dalam surah Al-Iqra'.


Informasi berkaitan polisi kerajaan juga boleh diperolehi dengan pembacaan termasuk dari surat khabar. Menurut Mior Kamarul (2006), kandungan surat khabar adalah pelbagai dan antaranya berita perkembangan semasa dalam negara. Hal ini menunjukkan bahawa berita termasuk polisi kerajaan boleh dicapai melalui surat khabar. Kenyataan ini turut disokong oleh Akmar Hayati, Siti Zobidah, Jusang Bolong dan Mohd Nizam (2011) yang menyatakan membaca pelbagai jenis maklumat di dalam akhbar membantu untuk membentuk dan membina minda pembaca.

Pembacaan surat khabar bukan sahaja memberikan informasi mengenai isu dalam negara namun menurut kajian Eamin & Md. Armanul (2013), informasi mengenai berita antarabangsa juga boleh diperolehi dan menjadi seksyen yang digemari oleh pelajar universiti di Bangladesh. Menurutnya lagi membaca akhbar boleh menjadikan pembacanya penyumbang yang bernas untuk membina masyarakat yang demokratik dan bersatu padu selain meningkatkan kesedaran.

Pembacaan di surat khabar terbukti memberi lebih informasi kepada yang membacanya melalui kajian Mohd Hamdan (2010) yang menyatakan kaum Cina di Malaysia memiliki lebih akhbar daripada yang di dalam Bahasa Malaysia kerana menyedari kepentingan informasi melalui pembacaan surat khabar.

2.6 Kerangka Konseptual

Rajah 1: Kerangka Konseptual



BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan secara ringkas mengenai metodologi dalam melaksanakan kajian ini. Terdapat beberapa item di dalam kajian ini. Item di dalam bahagian ini terdiri dari subtopic yang merupakan instrument kajian, kebolehpercayaan dan kesahan dalam penyelidikan kuantitatif, skala pengukuran, sampel item, rangka kerja penyelidikan, kaedah pengumpulan data, saiz sampel, pemprosesan data, analisis data, had penyelidikan dan konklusi secara keseluruhan. Di samping itu, satu kajian soal selidik akan diadakan untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan kesedaran terhadap GTP dan NKRA melalui akhbar yang dibuat ke atas pelajar UUM.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan borang kaji selidik yang diedarkan kepada pelajar Sarjana di Ghazali Shafie Graduate School, Universiti Utara Malaysia. Borang kaji selidik dikemukakan kepada subjek kajian yang terdiri dari pelajar Sarjana UUM dari pelbagai jurusan di Ghazali Shafie Graduate School.

Rekabentuk ini dipilih bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan populasi kajian pada satu titik masa (Babbie,2010). Dalam konteks kajian ini, tahap kesedaran dan kefahaman pelajar mengenai GTP dan NKRA dikenalpasti.

Populasi kajian ini ialah pelajar-pelajar peringkat sarjana muda di Universiti Utara Malaysia. Pemilihan pelajar peringkat sarjana muda ini adalah untuk mengkaji sejauh mana kesedaran pelajar university terhadap polisi kerajaan.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pada dasarnya, kaedah utama dalam pengumpulan data kajian adalah soal selidik. Selain itu, soal selidik yang diperolehi daripada data sekunder yang merupakan sumber yang sedia ada yang sedang dijalankan dan diusahakan oleh orang lain. Semua data yang diperolehi daripada responden adalah dijamin sulit. Data yang diterima dari responden hanyalah untuk kajian ini sahaja dan tidak akan didedahkan. Soal selidik ini juga menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami bagi memudahkan pemahaman responden terhadap soalan untuk memperoleh jawapan yan terbaik.

3.4 Lokasi Kajian

Kajian telah dibuat di Universiti Utara Malaysia, Sintok berdasarkan borang kaji selidik yang telah diberikan kepada pelajar.

3.5 Instrumen Kajian

Dalam mendapatkan keputusan kajian, instrument kajian adalah alat yang penting bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperoleh dan mempengaruhi jenis analisis kajian (Mohd Najib, 1999).

Kajian ini menggunakan set borang soal selidik bagi mendapatkan data daripada responden. Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada dua bahagian. Di dalam dua bahagian ini pula dapat dipecahkan kepada 10 seksyen.

3.5.1 Bahagian A

Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan maklumat diri responden seperti jantina, umur, bangsa, maklumat am kecenderungan politik dan cara memperolehi maklumat isu semasa. Kepentingan item-item ini adalah untuk mengetahui latar belakang responden secara umum.

3.5.2 Bahagian B

Bahagian B mengandungi maklumat am mengenai akhbar yang dibaca, maklumat am mengenai kefahaman responden tentang GTP dan NKRA dan soalan-soalan yang terdiri dari setiap satu tonggak di dalam NKRA untuk mengukur tahap kesedaran responden mengenai usaha kerajaan dalam peningkatan setiap tonggak.

Responden dikehendaki memilih jawapan dengan memnandakan satu dari skala lima pilihan di setiap ruang yang diberikan. Skala Likert telah digunakan untuk kajian ini.

Jadual 1: Item Bahagian B

Bil.	Tema	Nombor Item
1.	Maklumat am surat khabar responden.	B1, B2, B3 hingga B6
2.	Maklumat am mengenai tahap kefahaman mengenai GTP dan NKRA.	C1, C2, C3 hingga C8
3.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Mengurangkan jenayah.	D1, D2, D3 hingga D9
4.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Membanteras rasuah.	E1, E2, E3 hingga E10
5.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Mempertingkatkan pencapaian pelajar.	F1, F2, F3 hingga F10
6.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.	G1, G2, G3 hingga G10
7.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.	H1, H2, H3 hingga H11
8.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.	I1, I2, I3 hingga I13
9.	Maklumat tahap kesedaran NKRA: Menangani kos sara hidup.	J1, J2, J3 hingga J10

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai hasil kajian yang telah dijalankan. Penulisan dan perbincangan bab ini menjurus kepada perbincangan secara deskriptif. Perbincangan secara deskriptif meliputi:

- 1) Profil responden kajian yang merangkumi jantina, umur, bangsa, dan cara mendapatkan maklumat seharian.
- 2) Dapatan setiap bahagian di dalam soal selidik yang merangkumi maklumat am mengenai akhbar, maklumat am mengenai GTP dan NKRA, dan setiap tonggak di dalam NKRA yang terdapat 7 kesemuanya.

4.2 Profil jantina responden kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 24% lelaki dan 76% perempuan yang mengambil pengajian peringkat sarjana di Ghazali Shafie Graduate School.

Jadual 2. Taburan Jantina Responden Kajian (n=50)

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	12	24.0
Perempuan	38	76.0

4.3 Profil umur responden kajian

Responden kajian ini berumur di antara 24 hingga 50 tahun (min = 29.66 tahun) yang terdiri daripada 72% di kategori 1, 18% di kategori 2 dan 10% di kategori 3. Kategori 1 mengumpulkan responden terdiri di antara umur 24 hingga 30 tahun. Kategori 2 mengumpulkan responden yang terdiri di antara umur 31 hingga 40 tahun manakala kategori 3 responden yang merumur 41 hingga 50 tahun. Jumlah paling banyak di kategori 1 kerana kebanyakan pelajar siswazah terdiri dari golongan muda.

Jadual 3. Taburan Umur Responden Kajian (n=50)

Profil	Kekerapan	Peratus
Umur		
1	36	72.0
2	9	18.0
3	5	10.0

4.4 Profil bangsa responden kajian

Responden kajian ini terdiri daripada 78% kaum Melayu, 10% kaum Cina, 6% kaum India dan 6 % lain-lain bangsa.

Jadual 4. Taburan Bangsa Responden Kajian (n=50)

Profil	Kekerapan	Peratus
Bangsa		
Melayu	39	78.0
Cina	5	10.0
India	3	6.0
Lain-lain	3	6.0

4.5 Cara memperoleh maklumat

Sebanyak 42% responden mengatakan mereka memperoleh maklumat terkini termasuk mengenai GTP dan NKRA melalui akhbar Berita Harian. Utusan Malaysia pula dipilih sebanyak 34% responden sebagai medium utama mendapatkan maklumat. Selain itu, The Star turut dibaca oleh responden iaitu sebanyak 26% diikuti dengan New Straits Time 20%. Akhbar alternatif seperti Harakah dan Keadilan juga turut dibaca oleh responden iaitu sebanyak 14% dan akhir sekali responden turut mengakses media-media lain seperti media elektronik untuk sentiasa mengikuti isu terkini mengenai negara. Berita Harian paling banyak digunakan oleh responden untuk memperoleh maklumat bersesuaian dengan majoriti dari responden terdiri dari kaum Melayu.

Jadual 5. Taburan Sumber Maklumat Responden Kajian (n=50)

Profil	Kekerapan	Peratus
Sumber Maklumat		
Berita Harian	21	42.0
Utusan Malaysia	17	34.0
The Star	13	26.0
New Straits Time	10	20.0
Akhbar Alternatif	7	14.0
Lain-lain	25	50.0

4.6 Maklumat am mengenai akhbar

Maklumat am mengenai akhbar oleh responden dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 17.42 manakala Sisihan Piawai = 6.03. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kepentingan akhbar kepada pembaca berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 6 . Min dan Sisihan Piawai Maklumat Am Mengenai Akhbar (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya membaca akhbar setiap hari.	2.80	1.088
Saya percaya akhbar.	2.64	.964
Saya mengikut laporan GTP dan NKRA melalui akhbar	2.90	.953
Akhbar penting kepada masyarakat	3.98	.742
Saya hanya membaca satu sumber akhbar	2.18	1.044
Saya hanya membaca akhbar untuk isu-isu tertentu	2.92	1.243

Min Skor Keseluruhan = 17.42 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 6.03

4.7 Maklumat Am Mengenai GTP Dan NKRA

Tahap kefahaman responden mengenai GTP dan NKRA dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Berdasarkan jadual, min skor keseluruhan ialah 27.0 manakala Sisihan Piawai = 8.43. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden mengenai GTP dan NKRA pada tahap yang sederhana tinggi. Kebanyakan responden menunjukkan tahap kefahaman yang sederhana tinggi kecuali responden kurang faham mengenai GTP melibatkan 3 fasa (min = 3.00).

Jadual 7 . Min dan Sisihan Piawai Maklumat Am GTP dan NKRA

(n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya faham transformasi sedang dijalankan.	3.86	1.010
Saya faham transformasi untuk menjadikan kerajaan lebih cekap.	3.74	.986
Saya faham objektif GTP untuk perbaiki sistem penyampaian kerajaan.	3.42	.971
Saya faham Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan	3.36	1.102
Saya faham GTP menumpukan bidang tertentu sahaja	3.12	1.062
Saya faham GTP ada 7 tonggak utama	3.26	1.103

Saya faham GTP juga mengandungi MKRA	3.24	1.128
Saya faham GTP melibatkan 3 fasa	3.00	1.069

Min Skor Keseluruhan = 27.0 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 8.43

4.8 NKRA: Mengurangkan Kadar Jenayah

Tahap kesedaran responden mengenai jenayah secara am dan mengenai usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar jenayah dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Berdasarkan jadual, min skor keseluruhan ialah 32.24 manakala Sisihan Piawai = 9.0. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran responden mengenai usaha kerajaan di bawah NKRA mengurangkan jenayah berada pada tahap sederhana tinggi. Responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai jenayah secara am iaitu jenayah membawa trauma kepada mangsa (min = 4.20).

**Jadual 8. Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mengurangkan
Kadar Jenayah (n=50)**

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar kerajaan berusaha perangi jenayah.	3.74	1.026
Saya sedar sasaran kerajaan kurangkan jenayah sebanyak 20% pada 2010.	3.32	1.019
Saya sedar jenayah membawa trauma kepada mangsa.	4.20	.881
Saya sedar kewujudan program sukarelawan membantu cegah jenayah.	3.80	.926
Saya sedar PDRM berjaya kurangkan jenayah 5% setiap tahun dan jenayah jalan 20% menjelang akhir 2010.	3.36	.942
Saya sedar penggunaan balai polis bergerak dan motosikal sedang dipertingkatkan.	3.42	.971
Saya sedar pertambahan CCTV kurangkan jenayah.	3.54	1.092
Saya sedar Pegawai Kanan Polis dikehendaki turun padang di kawasan masing-masing.	3.38	1.008
Saya sedar SRS dan Rakan Cop sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dalam perangi jenayah.	3.48	1.111

Min Skor Keseluruhan = 32.24 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 9.0

4.9 NKRA: Membanteras Rasuah

Tahap kesedaran responden mengenai rasuah secara am dan mengenai usaha kerajaan dalam membanteras rasuah dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 37.25 manakala Sisihan Piawai = 10.27. Dapatan ini menunjukkan responden bersetuju secara sederhana bahawa mereka sedar mengenai usaha kerajaan di bawah NKRA membanteras rasuah. Namun, responden menunjukkan tahap kesedaran di tahap yang tinggi mengenai kesedaran rasuah secara am.

Responden sangat sedar bahawa rasuah bercanggah dengan nilai moral (min = 4.66), rasuah merompak sumber negara (min = 4.44) dan rakyat tidak berpuas hati mengenai prestasi kerajaan membanteras rasuah (min = 4.02).

Jadual 9 . Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Membanteras**Rasuah (n=50)**

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar rasuah bercanggah dengan nilai moral.	4.66	.593
Saya sedar rasuah merompak sumber negara.	4.44	.812
Saya sedar SPRM tubuhkan pasukan khas diketuai oleh KSN kaji laporan Ketua Audit Negara 2008.	3.48	1.092
Saya sedar Indeks Persepsi Rasuah, Transparency International berada tahap 56 pada 2009 dan 23 pada 1995.	3.37	1.167
Saya sedar rakyat tidak berpuas hati dengan prestasi kerajaan membanteras rasuah.	4.02	1.040
Saya percaya kajian Global Corruption Barometer 2009 menunjukkan tindakan kerajaan hapus rasuah tak berkesan.	3.56	1.163
Saya sedar rasuah boleh sebabkan kehilangan 10 bilion setahun seperti yang dianggarkan PEMUDAH.	3.64	1.139
Saya sedar usaha banteras rasuah adalah satu teras GTP.	3.82	1.044
Saya sedar Malaysia ahli pengasas IAACA mempunyai lebih 300 ahli organisasi.	3.20	1.125
Saya sedar 9 Disember 2012 hari anti rasuah sedunia.	3.06	1.096

Min Skor Keseluruhan = 37.25 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 10.27

4.10 NKRA: Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Tahap kesedaran responden mengenai mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 33.16 manakala Sisihan Piawai = 10.92. Dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar.

Jadual 10 . Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar keseragaman bantuan diberi kepada murid prasekolah kerajaan termasuk pemberian geran per kapita.	3.16	1.057
Saya sedar mengenai peningkatan kualiti guru dan pembantu pra sekolah dalam 3 tahun melibatkan 30,000 orang.	3.56	1.473
Saya sedar terdapat peningkatan bilangan kelas pra sekolah terutama untuk kanak-kanak 4 tahun ke atas.	3.36	1.083
Saya sedar mengenai peningkatan Perkongsian Pintar Kerajaan-Swasta dalam pendidikan prasekolah.	3.28	1.070

Saya sedar model literasi dan numerasi dibentuk dalam konsep lebih mudah difahami dan akan diajar di pra sekolah.	3.24	.981
Saya sedar adanya pemantauan dan penyeliaan intensif yang akan dibuat ke atas 10% sekolah tercorot oleh pegawai pendidikan.	3.38	1.105
Saya sedar pelantikan fasilitator pakat di peringkat daerah dalam usaha membantu guru literasi dan numerasi.	3.28	1.011
Saya sedar mengenai wujudnya kelonggaran kaedah pembelajaran kepada pelajar SBT bagi memacu kecemerlangan.	3.32	1.077
Saya sedar ganjaran yang akan diberikan kepada guru besar serta guru-guru sekiranya melepasi sasaran Kementerian.	3.30	1.035
Saya sedar mengenai prestasi sesebuah sekolah ditentukan berasaskan kepada skor komposit.	3.28	1.031

Min Skor Keseluruhan = 33.16 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 10.62

4.11 NKRA: Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Tahap kesedaran responden mengenai mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah dioperasikan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 34.16 manakala Sisihan Piawai = 11.78. Dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.

Jadual 11 . Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar terdapat lebih 200,000 isi rumah yang dikategori miskin.	3.62	1.276
Saya sedar pengagihan bantuan kebajikan peringkat Persekutuan kepada mereka yang layak pada hari pertama setiap bulan.	3.26	1.139
Saya sedar mengenai penyeragaman takrifan kumpulan berpendapatan rendah.	3.46	1.164
Saya sedar usaha kerajaan segerakan kadar pengurangan kemiskinan dan hapuskan miskin tegar menjelang 2010.	3.22	1.234

Saya sedar bantuan meningkatkan hak milik rumah dengan tawarkan 44,000 rumah kos rendah untuk dijual dan sewa.	3.40	1.143
Saya sedar penyediaan latihan membolehkan isi rumah berpendapatan rendah tingkatkan ekonomi.	3.44	1.146
Saya sedar pelaksanaan peluang pekerjaan melalui penubuhan kedai runcit 1 Malaysia.	3.52	1.199
Saya sedar peningkatan klinik perubatan di bandar, luar bandar dan klinik perubatan bergerak.	3.80	1.030
Saya sedar perluasan bantuan kewangan kepada rakyat isirumah berpendapatan rendah bagi membeli anggota badan tiruan.	3.16	1.167
Saya sedar mengenai penawaran skim insuran 1 Malaysia meliputi perkara seperti pendidikan, kematian dan penyakit kritikal kepada miskin tegar.	3.28	1.278

Min Skor Keseluruhan = 34.16 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 11.78

4.12 NKRA: Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar

Tahap kesedaran responden mengenai mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 36.32 manakala Sisihan Piawai = 11.63. Dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar. Sebaliknya, responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana rendah mengenai program kampung abad ke 21 (KA21) (min = 2.78) dan matlamat program KA21 (min = 2.92).

Jadual 12 . Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar peningkatan akses kepada jalan berturap di kawasan bandar.	3.34	1.081
Saya sedar peningkatan akses bekalan air bersih atau terawatt untuk semua rumah di kawasan luar bandar.	3.50	1.015
Saya sedar mengenai peningkatan akses bekalan eletrik selama 24 jam kepada penduduk luar bandar .	3.42	.992

Saya sedar terdapat bantuan membina dan membaikpulihan rumah bagi penduduk miskin di kawasan luar bandar.	3.46	1.092
Saya sedar terdapat penyelenggaraan infrastruktur asas luar bandar untuk memantau dan kekalkan jalan dan penjana kuasa di kawasan luar bandar.	3.60	.969
Saya sedar program kampung abad ke 21 (KA21).	2.78	1.055
Saya sedar matlamat program KA21 untuk menggalakkan golongan belia kekal tinggal di kampung dan memulakan perniagaan di sana.	2.92	1.007
Saya sedar inisiatif mewujudkan lading bersepadu moden oleh kerajaan negeri untuk menyediakan peluang pekerjaan dan majukan aktiviti ekonomi golongan pedalaman.	3.22	1.093
Saya sedar ladang buah-buahan dan sayuran yang dipacu oleh sektor swasta di tanah milik kerajaan negeri atau persekutuan di pedalaman.	3.30	1.035
Saya sedar penambahbaikan koperasi kampung yang menyasarkan perkembangan pengendalian industry dan kilang sedia ada di kawasan luar bandar.	3.20	1.143
Saya sedar program penggalakkan usahawan belia di kawasan luar bandar.	3.58	1.144

Min Skor Keseluruhan = 36.32 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 11.63

4.13 NKRA: Mempertingkat Pengangkutan Awam Bandar

Tahap kesedaran responden mengenai mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan pengangkutan awam bandar dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 43.74 manakala Sisihan Piawai = 14.28. Dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai usaha kerajaan dalam mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Jadual 13 . Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar usaha meningkatkan kapasiti tren antara bandar dan dalam bandar.	3.46	1.147
Saya sedar penambahbaikan sistem perjalanan bas.	3.70	1.111
Saya sedar usaha membaik pulih dan menjenamakan semula Pudu Sentral	3.74	1.139
Saya sedar usaha penambahbaikan sistem bas dan meningkatkan rangkaian bas henti-henti di Kuala Lumpur dan Lembah Klang.	3.46	1.110
Saya sedar pelaksanaan bas aliran deras meliputi keseluruhan Lembah Klang.	3.30	1.111

Saya sedar usaha penambahbaikan perhentian bas termasuk pembinaan perhentian bas baru dan penaiktarafan perhentian bas sedia ada.	3.48	.995
Saya sedar penambahbaikan sistem rel meliputi kawasan KL dan Lembah Klang iaitu tren KTM, komuter antara bandar, Rapid KL dan monorel antara bandar.	3.42	1.071
Saya sedar program mentransformasikan sistem teksi Malaysia untuk pertingkatkan kualiti perkhidmatan teksi di Malaysia.	3.38	1.176
Saya sedar pelaksanaan perkhidmatan teksi berpusat.	3.22	1.075
Saya sedar pengenalan model perniagaan teksi baru.	3.02	1.020
Saya sedar usaha meningkatkan integrasi sistem UPT (urban public transport)	3.20	1.069
Saya sedar pengurusan permintaan perjalanan yang menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di kawasan KL dan Lembah Klang.	3.06	1.058
Saya sedar usaha meningkatkan pengawalan dan pengurusan ruang letak kereta.	3.30	1.199

Min Skor Keseluruhan = 43.74 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 14.28

4.14 NKRA: Menangani Kos Hidup

Tahap kesedaran responden mengenai mengenai usaha kerajaan dalam menangani kos hidup dioperasionalkan dan diukur berdasarkan tahap persetujuan pada skala likert lima tahap. Jadual menunjukkan min skor keseluruhan ialah 36.16 manakala Sisihan Piawai = 9.48. Dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai usaha kerajaan dalam menangani kos hidup.

Jadual 14. Min dan Sisihan Piawai Kesedaran NKRA: Menangani Kos Hidup (n=50)

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya sedar pemberian BR1M oleh kerajaan.	3.84	1.037
Saya sedar bantuan kewangan di bawah BR1M kepada isi rumah berpendapatan bawah RM 3000 sebulan dengan pemberian baucer tunai bernilai RM 500.	3.78	1.036
Saya sedar mengenai usaha kerajaan memansuhkan yuran sekolah untuk menyediakan pendidikan secara percuma .	3.68	.999
Saya sedar pengeluaran subsidi oleh kerajaan bernilai RM260 juta di bawah program bantuan buku 1 Malaysia bagi pelajar IPTA/IPTS, matrikulasi dan tingkatan 6.	3.68	.957

Saya sedar penubuhan klinik 1 Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan rawatan yang murah RM1 setiap sesi.	3.90 3.50	.707 .974
Saya sedar pembukaan pasar mini bagi menyediakan barangan keperluan kepada rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan bandar.	3.58	.928
Saya sedar penyediaan perumahan awam bagi golongan yang berpendapatan rendah (PR1MA) oleh kerajaan.	3.48	.974
Saya sedar kedai buku 1 Malaysia diwujudkan bagi membantu golongan pekerja pendapatan rendah dan pelajar.	3.56	.812
Saya sedar kedai buku 1 Malaysia diwujudkan dalam usaha kurangkan kos berkaitan pendidikan.	3.16	1.057
Saya sedar usaha kerajaan kurangkan kos bahan mentah dengan tingkatkan bekalan itu di pasaran.		

Min Skor Keseluruhan = 36.16 ; Sisihan Piawai Keseluruhan = 9.48

BAB 5

RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Ringkasan

GTP dan NKRA adalah satu usaha dari kerajaan dalam memantapkan struktur pentadbiran negara dalam menyediakan khidmat kepada rakyat. NKRA mempunyai 7 tonggak utama yang menjadi tumpuan kerajaan untuk di transformasi agar ianya menjadi lebih mantap.

Keberkesanan fasa pertama GTP yang dimulakan pada tahun 2010 telah diakui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan dinyatakan di dalam laporan tahunan Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sejak pelaksanaan GTP, kerajaan memastikan rakyat Malaysia memperoleh akses kepada barangan dan perkhidmatan yang berkualiti dan pada nilai terbaik; menjadikan Malaysia negara lebih selamat bagi setiap rakyat dengan membanteras sebahagian besar jenayah; membasmi kemiskinan tegar dan memberikan bantuan yang signifikan kepada isi rumah berpendapatan rendah (Berita Harian, n.d).

Namun, walaupun pemaparan berita mengenai kejayaan GTP dan NKRA oleh kerajaan diwar-warkan di dada surat khabar, masih terdapat kritikan yang diberikan oleh sesetengah pihak. Kejayaan GTP dan NKRA tidak menjamin negara berjaya ditransformasikan sepenuhnya kerana selaku Menteri Kewangan, Najib tidak kelihatan berprihatin terhadap hutang negara yang telah mencecah RM 502, 359 juta (Harakahdaily, 2013).

Walau apa pun pencapaian yang berjaya dikecapi oleh kerajaan, seharusnya segala usaha walau berjaya mahupun tidak perlu diketahui oleh rakyat. Transformasi yang dijalankan oleh kerajaan akan disedari rakyat melalui sama ada pembacaan dari akhbar atau mereka sendiri merasakan kesan dari transformasi. Berita Harian pernah mengeluarkan kenyataan seorang pembaca yang bernama Christopher iaitu:

“Saya tidak dapat rasakan kesan transformasi negara. Saya seorang peniaga dan setakat ini saya belum nampak apa-apa hasil transformasi.”

(Berita Harian, 23 Disember 2014)

Justeru, kajian ini telah dijalankan bagi menyiasat sejauh mana tahap pengetahuan dan kesedaran pelajar siswazah di Ghazali Shafie Graduate School UUM yang membaca akhbar terhadap GTP dan NKRA, usaha transformasi negara oleh kerajaan.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan borang soal selidik terhadap pelajar siswazah di Ghazali Shafie Graduate School. Sebanyak 50 orang responden telah dipilih secara rawak sistematik. Pengumpulan data dijalankan di dalam sesi kuliah semester pertama sesi 2014/2015. Manakala penganalisaan data dijalankan menggunakan statistik deskriptif untuk memerihalkan latar belakang responden dan tahap kesedaran mengenai GTP dan NKRA berdasarkan nilai min dan sisihan piawai selain daripada bilangan dan peratus.

Sebanyak 24% responden lelaki dan 76% responden perempuan terlibat dalam kajian ini dengan purata umur lingkungan 24 hingga 30 tahun. Majoriti responden terdiri daripada bangsa Melayu dan memiliki kecenderungan politik yang neutral. Kesemua responden membaca akhbar.

Antara dapatan penting kajian ini ialah:

1. Kebanyakan responden berbangsa Melayu memilih akhbar Berita Harian dalam mengakses maklumat harian.
2. Majoriti responden memilih kecenderungan politik yang neutral berbanding mendedahkan kecenderungan terhadap mana-mana parti.
3. Majoriti responden bersetuju tidak membaca akhbar setiap hari dan tidak begitu mempercayai liputan di akhbar namun bersetuju bahawa akhbar penting kepada masyarakat.
4. Majoriti responden mempunyai pemahaman asas mengenai GTP dan NKRA pada tahap yang sederhana sahaja.
5. Kesedaran tahap tinggi responden terhadap NKRA mengurangkan kadar jenayah hanya pada kesedaran jenayah membawa trauma kepada mangsa.
6. Responden amat sedar bahawa rasuah bercanggah dengan nilai moral, merompak sumber negara dan rakyat tidak berpuas hati dengan prestasi kerajaan banteras rasuah. Kesedaran mengenai usaha kerajaan dalam membanteras rasuah berada pada peringkat yang sederhana sahaja.
7. Majoriti responden hanya mempunyai tahap kesedaran yang sederhana mengenai semua usaha yang dijalankan kerajaan dalam melakukan transformasi.

8. Kefahaman mengenai GTP dan kesedaran mengenai NKRA berada di tahap yang sederhana berikutan tahap pembacaan majoriti responden yang tidak kerap.

5.2 Kesimpulan

Secara umumnya kajian ini memperlihatkan keberkesanan pembacaan akhbar dengan pemahaman terhadap polisi kerajaan. Pemaparan mengenai program transformasi cetus Perdana Menteri ke 6 negara, Datuk Seri Najib Razak di akhbar sering dilihat. Namun, dengan tahap pembacaan yang tidak berkala menyebabkan tahap kefahaman dan kesedaran rakyat berada di tahap yang sederhana. Pemaparan berita mengenai GTP dan NKRA sering mendapat tempat di halaman surat khabar namun kefahaman dan kesedaran rakyat mengenai usaha kerajaan dalam memantapkan infrastruktur dan menambah baik taraf kehidupan rakyat di ambil enteng oleh pembaca.

Hal ini berikutan pembacaan surat khabar yang tidak berlaku setiap hari berikutan wujudnya teknologi seperti internet pada masa kini. Kefahaman dan kesedaran rakyat juga berada di tahap yang sederhana adalah kerana mereka masih belum merasai kesan dari transformasi yang dijalankan secara langsung ke atas kehidupan seharian mereka.

5.3 Implikasi dan cadangan

Penemuan kajian ini pada asasnya memberi implikasi kepada dua pihak yang berlainan iaitu pihak media dan masyarakat sendiri. Pertama, pihak media diharap lebih memberikan tumpuan ke atas pementakan berita mengenai polisi kerajaan, Program Transformasi Kerajaan khususnya. Penulisan berita di surat khbara mengenai GTP dan NKRA juga seharusnya menarik dan boleh menarik minat pembaca khususnya dari golongan pelajar. Pelajar seharusnya memahami polisi yang dibuat kerajaan kerana golongan pelajar boleh memberi sumbangan melalui kritikan dan idea.

Kedua, masyarakat sendiri perlu mempunyai kesedaran dalam mengetahui dan memahami usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam memantapkan infrastruktur dan tahap ekonomi rakyat. Masyarakat seharusnya memandang surat khabar harian sebagai medium di antara mereka dan kerajaan. Seharusnya surat khabar perlu dibaca setiap hari dalam mengikuti perkembangan isu semasa.

Berdasarkan kajian ini terdapat cadangan kajian lanjutan yang boleh dikemukakan iaitu, kajian akan datang perlu meneliti usaha dari pihak media dalam menyampaikan informasi GTP dan NKRA kepada rakyat memandangkan kajian ini telah meneliti kefahaman dan kesedaran masyarakat terhadap GTP dan NKRA.

RUJUKAN

- Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Siti Zobidah Omar. (2014). Keperluan Pembaca Remaja Terhadap Kandungan Akhbar. *Jurnal Komunikasi*, 30(Special Issue), 17-28.
- Akmar Hayati, Siti Zobidah, Jusang Bulongm, Mohd Nizam. (2012). Keperluan dan Penerimaan Remaja Terhadap Akhbar. *Jurnal Teknologi*, 58, 119-126.
- Allport, A. (1988). What concept of consciousness? In A. J. Marcel & E. Bisiach
- Baran, S. J., & Davis, D. K. (2012). *Mass Communication Theory: Foundations, Ferment, and Future*. *Wadsworth series in mass communication and journalism* (Vol. 5th, p. 418).
- Chong, D. & Druckman, J. N. (2007). A Theory of Framing and Opinion Formation in Competitive Elite Environments. *Journal of Communication*, 57, 99-118.
- Cohen. B. C., (1963). *The press and foreign Policy*, Princeton University.
- Dennis, A. R., Fuller, R. M., & Valacich, J. S. (2008). Media, Tasks, and Communication Processes: A Theory of Media Synchronicity. *MIS Quarterly*, 32, 575–600.
- Dixon, B. (2010). Towards e-government 2.0: An assessment of where e-government 2.0 is and where it is headed. *Public Administration and Management*, 15, 418-454.

- Eamin Ali Kanda, Md. Armanul Haque. (2013). Newspaper Reading Habits of University Graduate Students in Bangladesh: A Case Study. *Impact Journals*, 1 (3), 1-8.
- Elvestas. E., Blekesaune. A. (2008). Newspaper Reader in Europe: A Multilevel Study of Individual and National Differences. *European Journal of Communication*, 23 (4), 425-447.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51-58.
- Freedom House. (2012). Freedom of the Press 2012. Diakses pada November 22, 2014, dari <https://www.freedomhouse.org/report/freedom-press/freedom-press-2012#.VLECzT-SzAU>.
- Gehlbach, S., & Sonin, K. (2014) Government control of the Media. *Journal of Public Economics*. Doi: 10.1016/j.jpubeco.2014.06.004
- Goffman, W. A. (1974). *Frame analysis: An Essay on the Organisation of Experience*. New York: Harper & Row.
- Government Transformation Programme Annual Report. (2010). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Hayes, A. S., Singer, J. B., & Ceppos, J. (2007). Shifting Roles, Enduring Values: The Credible Journalist in a Digital Age. *Journal of Mass Media Ethics*.
- Higgins, P. (2010). Into the Big Wide World: Sustainable Experiential Education for the 21st Century. *Journal of Experiential Education*.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Ismail, Abdul Halim SIdék & Noor Aziah Mohd Awal. (n.d). Persepsi Belia Terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*.

Junaidi awing Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 191-214.

Lampe, C., Larose, R., Steinfield, C., & Demaagd, K. (2011). Inherent barriers to the use of social media for public policy informatics. *The Public Sector Innovation Journal*, 16, 1–17.

Lane, C. H., & Carter, M. I. (2012). The Role of Evidence-Based Media Advocacy in the Promotion of Tobacco Control Policies. *Salud Publica de Mexico*.

Lieberfeld, D. (2009). Media coverage and Israel's "Four Mothers" antiwar protest: agendas, tactics and political context in movement success. *Media, War & Conflict*. doi:10.1177/175063520934519.

Lippman, W. (1922). Public Opinion. In *American Political Thought*.

Lipscomb, A. A. (1903). The Writings of Thomas Jefferson. Washington: Association of the United States. (Vol. 15, p. 33).

Mazzoleni, G. & Schulz, W. (1999). 'Mediatization' of politics: A challenge for democracy? *Political Communication* 16(3): 247–261.

McCombs, M. E., & Shaw, D. L. (1972). The Agenda-Setting Function of Mass Media. *Public Opinion Quarterly*, 36, 176–187. doi:10.1086/267990

Mior Kamarul Shahid. (2014, November 7). Ideologi Politik Luar Negara Beri Kesan Negatif. Diakses pada November 15, 2014, dari <http://www.bharian.com.my/node/16216>.

- Mior Kamarul Shahid. 2006. *Media Massa Dan Peningkatan Daya Intelektual Bahasa Dan Kebudayaan Kebangsaan*. Diakses pada 12 November 2014, dari <http://www.kongresbahasa.org/wpcontent/uploads/2006/11/053.pdf>.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2005). Media Freedom in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 35(3), 341-367.
- Mohd Yahya & Md Sidin. (2011). Pengaruh Persekitaran ke Atas Polisi Organisasi Media dalam Konteks Perhubungan Media di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(1), 37-49.
- Muhammad Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman, Zaheruddin Othman, Jamaludin Mustafa. (2003). Penyeretaan Politik Masyarakat dalam Pilihanraya: Kajian Kes Pilihanraya Umum ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 178-199.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein. (2014). Analisis Kualitatif Pembungkahan Akhbar The Star dan Utusan Malaysia Mengenai Kontroversi Majlis "Thanksgiving" di DUMC. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 117-145.
- Mus Chairil Samani, Jamilah Maliki & Norazimah Abd Rashid. (2011). Literasi Media: Ke Arah Melahirkan Pengguna Media Berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 41-64.
- Nurul Ain Hamid & Faridah Ibrahim. (2012). Pembungkahan Berita Etnik dalam Akhbar-akhbar Aliran Perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 28(2), 95-112.
- Rohami Shafie. (2014, Mei 21). Memeta Hala Tuju Transformasi Negara. Diakses pada November 13, 2014, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140521/re_07/Memeta-hala-tuju-transformasi-negara.

Smeltzer, S. (2009). A Malaysia-United States Free Trade agreement: Malaysian Media and Domestic Resistance. *Asia Pacific Viewpoint*, 50(1), 13-23.

Tcw, T. (2010). Agenda setting theory. *October*, 1–2.

Toshio Takeshita. (2005). Current Critical Problems in Agenda-Setting Research. *International Journal of Public Opinion Research*, 18(3), 275-296.

Tuchman, G. (1978). *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: The Free Press.

Utusan Online. (2013, Oktober 17). Teknologi Ubah Persepsi. Diakses pada November 13, 2014, dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20131017/hi_06/Teknologi-ubah-persepsi.

www.pemandu.gov. Diakses pada 12 November 2014.